



# **MAJLIS PERASMIAN BENGKEL PELAKSANAAN AMANAT PENGURUSAN 2008-PROGRAM TANAM SEMULA**

OLEH:  
YG. BHG. DATO' MOHAMMAD IZAT HASAN  
KETUA PENGARAH RISDA

TEMPAT: HOTEL MS GARDEN, KUANTAN, PAHANG

TARIKH: 24 JANUARI 2008  
MASA : 11.00 PAGI

- Yang Berusaha Pengerusi Majlis
- Yang Dihormati Tn Hj. Mohamat bin Muda Pengarah Bahagian Tanam Semula dan Perladangan
- Pengarah-Pengarah Bahagian,
- Pengurus-Pengurus Besar Anak Syarikat,
- Pengarah-Pengarah RISDA Negeri.
- PRD-PRD dan seterusnya Tuan-Tuan dan Puan-Puan warga RISDA yang dihormati sekalian.

**Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera,**

## **1. Penghargaan**

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan izinNya dapat kita berkumpul pada pagi yang mulia ini di Hotel MS Garden, Kuantan yang serba indah dan menarik ini bagi Majlis Perasmian Bengkel Pelaksanaan Amanat Pengurusan 2008 Program Tanam Semula. Saya merasa amat bertuah hari ini kerana dapat bertemu dengan pegawai-pegawai yang 'directly involve' dalam pelaksanaan Program Tanam Semula di peringkat

3

pelaksanaan dasar di Ibu Pejabat dan juga peringkat pelaksanaan di Lapangan. Syabas dan tahniah kepada Pengarah Bahagian Tanam Semula dan Perladangan serta jawatankuasanya kerana telah berjaya mengaturkan Bengkel seumpama ini untuk memberi garis panduan kepada Pegawai RISDA untuk merancang program Tanam Semula bagi tahun 2008 ini. Semoga Bengkel ini dapat dijadikan sebagai platform kepada Tuan-Tuan dan Puan-puan untuk sama-sama merancang dan melaksanakan program Tanam Semula bagi tahun ini dengan lebih baik dan efisien.

4

## **2. Selamat tahun baru 2008 dan Maal Hijrah 1429**

Saya mengambil peluang di sini untuk mengucapkan 'Selamat Tahun Baru 2008 dan tahun Hijrah 1429' walaupun terlewat sedikit namun kita masih belum terlewat untuk memberikan komitmen dan sumbangan kita untuk memberikan input dan usul yang konkrit untuk perancangan dan pelaksanaan program pembangunan bagi tahun 2008 ini.

5

**Tuan-Tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,**

## **3. Amanat Pengurusan RISDA 2008**

Amanat Pengurusan RISDA bagi tahun 2008 yang bertemakan 'Memperkasakan 'Back to basic' telah disampaikan pada 27 Disember 2007 yang lalu, merupakan Garis Panduan kepada semua staf RISDA dalam melaksanakan gerak kerja pembangunan masyarakat pekebun kecil pada tahun ini. Perkara-perkara yang di beri penekanan dan fokus pada tahun ini adalah Produktiviti, Projek Berkumpulan, Pemasaran & Pemprosesan, Sistem

6

Penyampaian, Modal Insan, Imej Korporat dan Anak Syarikat. Semua warga RISDA seharusnya peka kepada keperluan dan hakikat terhadap tugas dan tanggungjawab yang diberikan dan diamanahkan. Sudah tiba masanya kita bertindak atas komitmen yang telah di susun dan disasarkan dan bukan setakat janji sahaja. Sesungguhnya masih banyak lagi yang perlu diusahakan sebelum kita mencapai matlamat untuk menjadikan pertanian sebagai satu perniagaan khususnya kepada orang Melayu. Saya ingin menggunakan petikan ucapan YAB Perdana menteri kita semasa Perasmian Konvensyen Pertanian Kebangsaan

7

2007. Beliau berkata '**Orang Melayu terlibat juga dengan tanaman getah. Tetapi tanaman orang Melayu di panggil *kebun getah*, orang lain punya di panggil *Ladang getah*. Ladang getah milik siapa, kebun getah milik siapa?. Kerana tidak mahu abaikan orang Melayu, maka kita tubuhkan FELDA, FELCRA dan RISDA supaya kita terlibat dalam perladangan getah dan kelapa sawit'**. Ucapan YAB PM ini merupakan satu cabaran kepada RISDA. Saya anggap ini sebagai satu *wake up call*. Kita harus muhasabah diri kita. Kita di dalam RISDA kena bergerak dan bangunkan pekebun-pekebun kecil yang

8

kebetulannya majoriti orang Melayu. Pada hemat saya, ianya mestilah bermula dengan menstruktur semula diri kita, minda kita, mind set, pemikiran dan persepsi kita semua. Pernah disebutkan oleh Pendita Zaaba, kita kena fikirkan, cari jalan dan kaedah, bagaimana kita boleh ubah minda dan fikiran terhadap diri kita sendiri supaya kita boleh jadi kiasu (mahu sentiasa menang), aktif, gila kerja, tak suka duduk diam, sungguh-sungguh, setia, bertanggungjawab, cinta dan sayangkan bangsa dan agama kita'. Kita perlu memperbetulkan world view kita dengan cara yang baru dan

9

konkrit, sistematik dan praktikal. So, Please take a second look at our implementation on the ground.

#### **4. Pegawai RISDA ke arah minda kelas pertama**

Kalau selama ini kita anggap tugas kita sebagai satu routine, sudah sampai masanya kita beralih arah untuk menjadikan tugas kita sebagai satu cabaran. Kita perlu suatu perubahan dan pembaharuan yang besar. Kita perlu suatu proses transformasi yang akan mengubah minda kita. Kita perlu berani bertarung minda dalam persekitaran global. Berlumbalah untuk mendapatkan ilmu dan rebutlah peluang

yang terbentang luas. Bukanlah tujuan saya untuk memperlekeh, bukanlah niat dan tujuan saya untuk mengata, bukanlah niat dan tujuan saya untuk merendah-rendahkan pegawai RISDA. Tetapi ini adalah antara perkara-perkara yang ada dalam fikiran saya yang amat menyedihkan saya. Walaupun saya bukan dari RISDA tetapi ditakdirkan oleh Allah S.W.T. menjadi pemimpin tuan-tuan dan puan-puan, maka inilah masanya kita tengok fungsi RISDA from a different angle. Atas hakikat inilah maka saya ingin Pegawai dan staf RISDA membuat sedikit perubahan sesuai dengan peredaran masa kini yang lebih global.

11

**a. Komitmen**

Kita perlu komited 100% kepada tugas yang telah diamanahkan kepada kita. Masa kerja kita kerja, masa main kita main tetapi jangan kita kerja main-main.

**b. Integriti dan akauntabiliti**

Dalam perkhidmatan Awam, kita perlu mantapkan ketelusan dan pertanggungjawaban dan tadbir urus terbaik. Saya highlight perkara ini supaya kita dalam RISDA menghindarkan diri daripada gejala rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. RISDA telah

12

pun merangka satu Pelan Integriti RISDA berlandaskan Pelan Integriti Nasional. Saya harap Tuan-tuan dan puan-puan melaksanakan tugas dengan penuh amanah dan ikhlas demi mencapai objektif RISDA tanpa mempunyai niat untuk memberi keuntungan peribadi, keluarga, rakan-rakan atau entiti lain.

**c. Willingness to accept change**

Kita perlu sifat mahu terima perubahan. Kita perlu ubah sikap kita, kita perlu menukar minda kita. Kita masih

perlu belajar lagi. Kita tidak boleh hanya hidup dengan pengetahuan yang kita warisi dari zaman kita mula bekerja 20 tahun dahulu. Buat kerja seperti lama tapi dengan cara baru, teknologi baru. Kita mesti bijak, memanfaatkan bioteknologi, kemudahan ICT dan lain-lain. Tapi semua ini memerlukan satu perubahan sikap yang ingin merubah sesuatu yang lebih baik. Cara baru yang lebih baik untuk hasil yang lebih tinggi.

**d. Celik ICT**

Bila zaman berubah, kita pun mesti turut berubah. Hari ini ICT telah menguasai kehidupan kita. Oleh itu, tiba masanya kita perlu menguasai teknologi ICT. Tanpa pengetahuan ICT, kita akan terperangkap dan akan jauh ketinggalan. Jangan lihat komputer itu sebagai satu halangan tetapi kita harus menggunakan komputer sebagai satu alat untuk maju ke hadapan. Saya tahu masih ada ramai lagi Pegawai RISDA yang tidak tahu menggunakan komputer. Kepada saya, ini adalah masalah mind set. Kita harus menukar mind set

15

itu. Ini banyak bergantung kepada kesungguhan diri. Mesti ada perasaan mahu berjaya. Kita minta pekebun kecil celik komputer, kita sahut slogan 'Satu keluarga satu komputer' tetapi pada hakikatnya kita sendiri belum celik komputer.

**e. Kemahiran Berfikir**

Kemahiran belajar berbeza daripada kemahiran berfikir. Kemahiran belajar bersifat pasif. Belajar ialah proses menerima maklumat dari luar dan disimpan di dalam minda. Berfikir ialah proses menggunakan

16



maklumat yang dipelajari untuk pelbagai kegiatan aktif menyelesaikan masalah, membuat reka cipta dan menerbitkan idea. Pegawai-pegawai RISDA perlu ada kemahiran berfikir untuk menjana idea-idea baru dan analitikal untuk menangani masalah-masalah dalam pembangunan pekebun kecil.

**f. Peningkatan diri**

Nikmat tidak turun dari langit. Apa yang perlu kita buat ialah berusaha dengan gigih. Baru-baru ini RISDA telah menawarkan Pegawai RISDA Gred 41 untuk

17

melanjutkan pelajaran ke peringkat Masters dalam bidang-bidang yang diperlukan oleh RISDA seperti Agronomi dan Soil Science. Tetapi yang amat mengecewakan saya adalah hanya 6 orang sahaja yang sambut peluang ini. Inilah situasi yang ada pada hari ini. Macam mana kita hendak meningkatkan diri dalam kerjaya jika tidak sanggup untuk belajar?

**g. 'A learning Organisation'**

Satu lagi perkara yang ingin saya sentuh adalah RISDA sebagai '**a learning organisation**'. Kita perlu create 'Subject

18

Matter Specialist' kita sendiri supaya kita tidak perlu bergantung kepada orang lain untuk mendapat latihan teknikal dalam bidang getah, misalnya. Semua pegawai kanan perlu menambahkan ilmu pengetahuan dan mengetahui isu-isu semasa. Jika ada yang menanya kita mengenai strategi Lautan Samudera, jangan kita menggeleng kepala sahaja. Baca Buku-buku seperti 'The Blue Ocean Strategy', 'The Naked Ape', 'Gene Coefficient', 'Culture of Poverty' dan lain-lain lagi. Equip yourselves with knowledge and the power of the mind will be yours. You carry the name of RISDA and make RISDA proud.

##### **5. Prestasi Program Tanam Semula tahun 2007**

Saya juga mengambil peluang di sini untuk mengimbas kembali prestasi Program Tanam Semula pada tahun 2007 sebagai satu landasan kita untuk membuat penambahbaikan pada tahun 2008. Bagi pihak Pengurusan RISDA, saya mengucapkan syabas dan tahniah kerana telah berjaya meningkatkan prestasi 2007 iaitu 100.66 %. Manakala bagi TSGL<5 hek pula, pencapaian adalah 96.87 % . Prestasi Piagam Pelanggan dan memendekkan tempoh keremajaan juga telah menunjukkan peningkatan yang ketara. Analisis Produktiviti Getah berbanding Jabatan Statistik (DOS)

menunjukkan Produktiviti Getah Pekebun kecil juga telah meningkat dari 1,372 kg/hek/tahun (89.98%) ke 1,139.62 kg/hek/tahun (setakat Okt 2007) iaitu 90.94 %. Produktiviti sawit berbanding MPOB mengalami sedikit penurunan dari 14.15 MT/hek/tahun (96.32 %) ke 10.81 MT/hek/tahun (setakat Okt 2007) atau 79.84 %. Saya dengan penuh ikhlas mengucapkan ribuan terima kasih di atas komitmen dan kesungguhan yang ditunjukkan oleh Tuan-Tuan dan Puan-puan.

#### **6. Pelaksanaan Tanam Semula 2008**

Semalam Pengarah Bahagian Tanam Semula dan Perladangan telah menyampaikan kertas kerja 'Merealisasikan Amanat Pengurusan' iaitu dari aspek Program Tanam Semula yang berlandaskan Amanat Pengurusan RISDA 2008. Saya amat berharap supaya Bengkel ini dapat mewujudkan dan melaksanakan aliran dan jaringan komunikasi dua hala yang jelas, mudah dan berkesan merentasi seluruh peringkat pengurusan sehingga ke peringkat paling bawah supaya apa sahaja yang direncanakan di terima dan difahami oleh seluruh warga

kerja RISDA. Rebutlah peluang yang disediakan kepada kita untuk sama-sama terlibat dalam perancangan program pembangunan. Saya harap semua pembentangan diterima secara positive untuk tindakan penambahbaikan yang berterusan. Saya ingin menyuarakan harapan agar Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian dapat berbincang dan mengeluarkan idea-idea yang bernas dan praktikal untuk memperbaiki perancangan dan pelaksanaan program pembangunan Tanam Semula. Saya percaya dan menaruh penuh keyakinan semua idea yang bakal dikemukakan semasa Bengkel ini boleh dilaksanakan di peringkat

23

lapangan demi untuk meningkatkan keberkesanan peranan RISDA.

### **5.1 Peruntukan**

Peruntukan yang telah diluluskan untuk Program Tanam Semula bagi tahun 2008 adalah RM 266,420,964.00 meliputi TS Berturut, TSGGI, TSGI < 5.0 hek, TSGI > 5.0 hek RKPK, Bantuan Premium Tanah (BPT), Bantuan Tabung Pelancaran (BTP) dan Bantuan Tanah Kosong (BTK).

24

## **5.2 Matlamat Fizikal**

Matlamat fizikal TSGGI adalah 20,000 hektar manakala bagi TSGL < 5 hek adalah 20,000 hek dan TSGL>5 hek adalah 5,000 hek.

## **5.3 Pengurusan Kebun secara Berkumpulan**

Sasaran pengurusan kebun secara Berkumpulan adalah 8,000 hektar iaitu 20 % bagi Tanam Semula Baru manakala 80 % dari 2,129 TSB/TSK sedia ada meliputi 89,000 hektar akan dipulih dan dimantapkan. Penubuhan kumpulan-kumpulan baru bagi kawasan-kawasan yang matang meliputi

25

50,000 hektar juga disasarkan. Selain daripada itu, satu pendekatan baru pembangunan 22 Mini Estet yang akan di tanam semula pada tahun ini perlu difikirkan. Pengurusan kebun berkumpulan akan di buat peringkat pembangunan, penghasilan dan peringkat getah tua (5 tahun sebelum TS). Untuk menggalakkan pengurusan kebun secara kumpulan, pakej insentif mengikut peringkat pembangunan akan diberikan kepada pekebun kecil seperti BTK, BTP, BPT, Bantuan Pemuliharaan kebun, bantuan Input Pertanian, bantuan Depo/PTS/Stor, bantuan prasarana, AET dan Latihan pengurusan ladang dan pembangunan Insan.

26

7. Saya mengambil kesempatan pada hari ini untuk menyentuh beberapa perkara untuk kita kongsi bersama-sama dan seterusnya mengambil tindakan sewajarnya.

#### **8. Produktiviti Getah Negara Lain**

Pada tahun lepas, saya dan Pengarah Tanam Semula telah berkesempatan untuk menghadiri International Rubber Conference anjuran IRRDB di Kemboja. Sejumlah 80 kertas kerja dari 19 negara telah dibentangkan. Kebanyakan kertas kerja adalah hasil penyelidikan institut penyelidikan getah

27

dan syarikat komersial. Apa yang saya ingin tekankan di sini adalah produktiviti pekebun kecil dari Vietnam, India dan Thailand jauh lebih tinggi daripada hasil yang diperolehi oleh pekebun kecil kita. Impian 500 juga bukan sesuatu yang mustahil contohnya di Indonesia, Sistem EXPEX-315 juga telah pun mengamalkan kaedah ini .Bermacam-macam sistem torehan diperkenalkan untuk meningkatkan produktiviti contoh 1/2S D/4 (DCA) atau *Double Cut Alternative*.

28

## **9. Penentuan getah tua melalui GIS**

Untuk maju dan berjaya, kita perlu sentiasa bermuafakat dan pastikan hubungan serta komunikasi dengan pihak-pihak yang terlibat dengan industri getah. Pada tahun lepas, kita telah melawat MACRES atau Malaysian Centre for Remote Sensing. Kita sudah mula meneroka penggunaan satelit untuk membantu kita mengenalpasti kawasan –kawasan getah tua. Sebagai permulaan kita telah mengenalpasti 2 orang pegawai gred 41 untuk ditempatkan di MACRES untuk mempelajari dan mengaplikasikan penggunaan GIS di RISDA.

29

## **10. Penubuhan Bahagian Khidmat Pemasaran**

Untuk memantapkan lagi mekanisma pemasaran yang cekap dan berkesan serta mendapatkan harga yang terbaik untuk pekebun kecil, kita akan tubuhkan Bahagian Khidmat Pemasaran. Fungsi Bahagian ini adalah untuk memberi khidmat nasihat dan memantau aktiviti pemasaran pekebun kecil berkaitan dengan harga, kualiti dan maklumat pasaran.

## **11. Crepe Rubber- Added value**

Ini adalah satu lagi area yang RISDA perlu tengokkan, iaitu bagaimana kita boleh memberi nilai tambah kepada getah

30

yang dihasilkan oleh pekebun kecil. Sebagai permulaan, satu projek contoh akan dilaksanakan di Baling, Kedah.

## **11.Penutup**

Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tn. Hj. Mohamat Muda di atas inisiatif untuk mengadakan Bengkel ini serta juga semua peserta bengkel yang hadir Bengkel ini selama 2 hari. Semoga hasil sumbangan idea Tuan-tuan dan Puan-puan serta keputusannya dapat kita gunakan untuk membangunkan pekebun kecil. Saya berharap kerjasama yang

31

baik dan hubungan yang harmoni yang sedia ada pada masa ini perlu di pelihara dan dikekalkan.

Dengan kata-kata itu dan dengan lafaz 'Bismillahirrahmanirrahim', saya merasmikan **Bengkel Pelaksanaan Amanat Pengurusan 2008 Program Tanam Semula** serta melancarkan **Buku Sistem Penyampaian Program Tanam Semula RISDA**.

Sekian. **Wabillahi Taufik Walhidayah , Wassalammualaikum w.b.t**

32